

## **Asrama Yayasan Terengganu Kemaman (AYTK)**

### **Latar Belakang**

AYTK telah ditubuhkan pada tahun 1986 dan telah beroperasi selama 37 tahun. Penubuhan AYTK ini bertujuan menyediakan kemudahan asrama dan pembelajaran yang lebih baik kepada pelajar luar bandar yang berpotensi dan ditempatkan di sekolah terpilih. AYTK juga merupakan sebuah pusat kecemerlangan bagi pelajar yang tidak berjaya ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan sekolah-sekolah terpilih.

### **Cara Permohonan**

Permohonan AYTK adalah secara atas talian sepenuhnya hingga surat tawaran di keluarkan melalui [www.ytklik.terengganu.gov.my](http://www.ytklik.terengganu.gov.my)

### **Syarat-syarat permohonan;**

- I. Penilaian Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) sekurang- kurangnya TP 3 bagi subjek Bahasa Melayu, Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris.
- II. Ibu atau bapa/penjaga adalah terdiri dari anak Terengganu. Pemastautin yang tinggal tetap di Terengganu melebihi 10 tahun serta mempunyai keinginan untuk tinggal terus (dibuktikan dengan perolehan aset tak alih) juga layak dipertimbangkan.
- III. Keutamaan diberikan kepada pemohon yang ibu atau bapa/penjaga adalah **PEMILIH BERDAFTAR DI DUN NEGERI TERENGGANU.**

### **Kriteria pemilihan**

- I. Memenuhi syarat-syarat permohonan sebagaimana (iii) di atas.
- II. Calon yang bersetuju menerima sekolah yang ditawarkan - penempatan pelajar berdasarkan kekosongan yang ada dan ditetapkan oleh Pengurusan Yayasan Terengganu.
- III. Keutamaan ditawarkan kepada pelajar B40/PPRT dan luar bandar/daerah

### **Tawaran Sekolah**

Pelajar-pelajar akan ditawarkan salah satu dari tiga (3) buah sekolah yang berhampiran dengan AYTK sebagaimana berikut;

- a. Sekolah Menengah Kebangsaan Binjai
- b. Sekolah Menengah Sultan Ismail
- c. Sekolah Menengah Agama Al Falah (tawaran berdasarkan keputusan pihak sekolah)

## **Lokasi AYTK**

Asrama Yayasan Terengganu Kemaman (AYTK)  
Jalan Mak Chili,  
24000 Kemaman, Terengganu.

## **Program-program yang telah disediakan di AYTK untuk pelajar dalam setahun.**

- a) Kelas bimbingan akademik

### **SUBJEK TING. 1, 2 & 3**

- Bahasa Inggeris
- Matematik
- Sains
- Bahasa Arab

### **SUBJEK TING. 4 & 5:**

- Bahasa Inggeris
- Biologi
- Fizik
- Kimia
- Matematik
- Matematik Tambahan
- Bahasa Arab

- b) Program Peneraju Tunas Bridge Gemilang AYT

### **Pelajar akan menerima manfaat dari program ini melalui :**

- Academic Assistance Programme (AAP)
  - Nurture and Development Programme (NDP)
  - Digital Literation Programme (DLP)
- c) Kelas Bimbingan Al-Quran setiap hari Jumaat dan Sabtu  
d) Kelas Bimbingan Akademik setiap hari  
e) Aktiviti Pemantapan Bahasa Inggeris (TRENGLISH)  
f) Program lawatan sambil belajar di dalam atau luar negeri Terengganu.  
g) Latihan kelab kebudayaan  
h) Usrah / ceramah agama  
i) Program-program motivasi  
j) Kem Jati Diri bersiri.  
k) Kem Kecemerlangan SPM dan PT3  
l) Aktiviti riadah (Peralatan sukan disediakan oleh pihak AYTK)

### Infrastruktur/kemudahan yang terdapat di AYTK

- a) 1 Blok Pentadbiran
- b) Pejabat
- c) Perpustakaan
- d) Surau
- e) Bilik Mesyuarat
- f) Bilik Seminar
- g) Makmal Komputer
- h) 1 Dewan Makan/Dapur
- i) 2 Blok Asrama Putera
- j) 2 Blok Asrama Puteri
- k) 12 Kelas Akademik
- l) Padang Permainan
- m) Gelanggang Badminton, Bola Tampar
- n) Pengangkutan bas percuma ke sekolah dan pulang bercuti wajib
- o) 2 buah kuarters Penyelia Asrama

### Yuran

BIL	YURAN	AMAUN	KEKERAPAN
1.	Pendaftaran	RM50.00	Tahunan
2.	Makan	RM1 sehari $\leq$ RM4,999 (pendapatan isi rumah) RM3 sehari $\geq$ RM5,000 (pendapatan isi rumah)	Bulanan
3.	Perkhidmatan	RM30.00	Bulanan
4.	Lain-Lain**		

**Nota : \*\* tertakluk kepada pihak AYTK**

### Rekod

- a) Penubuhan AYTK telah ternyata membantu pelajar yang terlibat mendapat keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan SPM dan melayakkan ke peringkat seterusnya.
- b) Mengikut catatan rekod selama 5 tahun (2015 hingga 2019) seramai 100% pelajar-pelajar SPM dari AYTK telah berjaya memasuki IPTA / IPTS sebagaimana berikut :-

BIL.	TAHUN	BERJAYA KE IPTA/IPTS	JUM. PENUH PELAJAR SPM
1	2015	25	25
2	2016	24	24
3	2017	33	33
4	2018	30	30
5	2019	38	38
6	2020	24	24
7	2021	27	27

**ALUMNI : Persatuan Alumni Penghuni Asrama Yayasan Terengganu Kemaman (PAPAYTK)**

- a) Seramai lebih 2000 orang lepasan AYTK dan seramai 500 orang ahli telah menyertainya. Pertemuan pertama diadakan pada 30 Julai 2016 di AYTK dan telah mendapat sambutan yang hangat dari ahli yang hadir.
- b) Penglibatan alumni secara aktif dalam setiap program dan aktiviti bersama pelajar. Di samping itu juga, pihak PAPAYTK turut memberi sumbangan berupa kewangan serta tenaga dalam menjayakan sesuatu program dan aktiviti demi kecemerlangan pelajar-pelajar AYTK

**KAEDAH PERMOHONAN**

Permohonan perlu dikemukakan secara atas talian (on-line) menerusi

<https://ytklik.terengganu.gov.my/application/13/online>